

Dimansuhkan oleh Akta 552

19.5.83



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY

14hb April 1983


TAMBAHAN No. 18  
AKTA

Jil. 27  
No. 8

Naskah bahasa kebangsaan bagi undang-undang  
semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan  
untuk makluman umum:

The national language text of the following revised  
law is hereby published for general information:

No.	Tajuk ringkas
Akta 214 ...	Akta Rekabentuk United Kingdom (Perlin- dungan) 1949.



**UNDANG-UNDANG  
MALAYSIA**

**Akta 214**

**AKTA REKABENTUK UNITED KINGDOM  
(PERLINDUNGAN) 1949**

**(Disemak—1978)**



Disemak hingga ... .. 31hb Mac 1978

Tarikh yang ditetapkan untuk  
mula berkuatkuasa ... .. 15hb November 1978

Tarikh disiarkan dalam *Warta* 26hb Oktober 1978

MALAYSIA  
UNDANG-UNDANG  
1978  
MUDA  
(1978-1978)

Dikanunkan dalam tahun 1949 sebagai Ordinan No. 54 Tahun 1949.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 214**

## **AKTA REKABENTUK UNITED KINGDOM (PERLINDUNGAN) 1949**

**(Disemak—1978)**

---

### **SUSUNAN SEKSYEN**

---

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Perlindungan rekabentuk United Kingdom.
4. Kecualian.
5. Kuasa Mahkamah Tinggi.
6. Keterangan.
7. Pemansuhan.

**JADUAL—Pemansuhan.**

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 214

## AKTA REKABENTUK UNITED KINGDOM (PERLINDUNGAN) 1949

(Disemak—1978)

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai perlindungan di Malaysia Barat bagi rekabentuk yang didaftar di United Kingdom.

[1hb Disember 1949.]

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta rekabentuk United Kingdom (Perlindungan) 1949.

Tajuk  
ringkas  
dan  
pemakaian.

(2) Akta ini terpakai di Malaysia Barat sahaja.

2. Dalam Akta ini "Malaysia Barat" mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1967, dan meliputi Wilayah Persekutuan.

Tafsiran.  
23/67.

3. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, empunya berdaftar bagi apa-apa rekabentuk yang didaftar di United Kingdom di bawah Akta Rekabentuk Berdaftar 1949, atau mana-mana Akta yang meminda atau menggantikan Akta itu, atau mana-mana orang yang memperolehi haknya daripada empunya berdaftar tersebut melalui serahhak, pemindahan, atau kuatkuasa lain undang-undang, akan menikmati keistimewaan dan hak yang serupa di Malaysia Barat seolah-olah Perakuan Pendaftaran di United Kingdom telah dikeluarkan dengan perluasan ke Malaysia Barat.

Perlindungan  
rekabentuk  
United  
Kingdom.  
U.K. 1949.  
c. 88.

4. Empunya berdaftar sesuatu rekabentuk tidak berhak mendapat apa-apa gantirugi berkenaan dengan apa-apa pelanggaran hakcipta dalam rekabentuk daripada mana-mana defendan yang membuktikan bahawa pada

Kecualian.

tarikh pelanggaran itu dia tidak sedar atau tidak ada apa-apa cara yang munasabah bagi membuat dirinya sedar akan kewujudan pendaftaran rekabentuk itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini akan menjejaskan apa-apa prosiding untuk injuksi.

Kuasa Mahkamah Tinggi.

5. Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai kuasa, atas permohonan mana-mana orang yang mengatakan bahawa kepentingannya telah dijejaskan secara mudarat, mengisytiharkan bahawa keistimewaan secara hak eksklusif dalam sesuatu rekabentuk telah tidak diperolehi di Malaysia Barat di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atas apa-apa alasan atas mana pendaftaran United Kingdom boleh dibatalkan di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa di United Kingdom.

Keterangan.

6. Perakuan yang dikatakan ditandatangani oleh Ketua Penguasa Rekabentuk Paten dan Cap Perdagangan United Kingdom hendaklah menjadi keterangan *prima facie* terhadap pendaftaran apa-apa rekabentuk di United Kingdom dan terhadap apa-apa butir yang terkandung dalam perakuan tersebut.

Pemansuhan.

7. Undang-undang bertulis yang dinyatakan di dalam Jadual Akta ini adalah dimansuhkan.

JADUAL

(Seksyen 6)

PEMANSUHAN

No.	Tajuk
Ordinan N.N.S. No. 17 Tahun 1938	Ordinan Rekabentuk United Kingdom (Perlindungan) 1938
Enakmen N.M.B. No. 15 Tahun 1941	Enakmen Rekabentuk United Kingdom (Perlindungan) 1941
Enakmen Johor No. 20 Tahun 1941	Enakmen Rekabentuk United Kingdom (Perlindungan) 1941
Enakmen Kedah No. 26 Tahun 1357	Enakmen Rekabentuk United Kingdom (Perlindungan)

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 214**

**AKTA REKABENTUK UNITED KINGDOM  
(PERLINDUNGAN) 1949**

**(Disemak—1978)**

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta  
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

**SENARAI PINDAAN**

Tiada

**SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA  
YANG DIGANTI**

No.	Tajuk
54 Tahun 1949 ...	Ordinan Rekabentuk United Kingdom (Perlindungan) 1949.